

Soal hak kerakyatan diperjelas

KUALA LUMPUR, Sabtu.— Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, mengingatkan rakyat yang telah diberi kerakyatan Malaysia menghargainya dan menunjukkan penuh kasih sayang kepada negara.

Janganlah, tegurnya, seperti setengah mereka yang telah menjadi warganegara tetapi mengancam negara sendiri.

Menurut Dato Seri Dr. Mahathir, ramai yang ingin menjadi rakyat Malaysia dan berhijrah ke negara ini jika dibenarkan.

"Sebab itu kita yang sudah mempunyai kerakyatan perlu menghargainya dan menunjukkan kasih sayang kita kepada ne-

gara ini," katanya ketika merasmikan perhimpunan agung MIC ke-26 di Dewan Bahasa dan Pustaka, hari ini.

"Hari ini ada pihak yang mengecam Malaysia kerana kata

mereka layanan terhadap kaum-kaum bukan Bumiputera buruk sekali.

"Hari ini juga ada pihak yang kata kononnya ramai penduduk Malaysia mahu berhi-

jah ke negara yang lebih liberal.

"Tapi hari ini juga ramai yang ingin menjadi rakyat Malaysia dan ramai yang ingin berpindah ke negara ini jika kita membenarkan," ujarnya.

Rakyat Malaysia sebaliknya, kata Dato Seri Dr. Mahathir patut bersyukur kerana keadaan di negara ini tidak seperti di lain-lain negara.

Dr. Mahathir berkata, dalam masyarakat berbilang kaum, usaha untuk memuaskan hati berbagai kaum yang mempunyai perbezaan kepentingan, sukar dicapai.

"Dengan lain perkataan, tidak ada pihak yang mendapat kemahuan sepenuhnya.

Oleh ALI MANSOR AMAN